

D. Pilih jawapan yang betul.

1. Ibu mengambil masa selama sebulan untuk _____ tikar itu sehingga siap.
A mengupas B menyulam C menganyam D membanting
2. Penduduk kampung itu bergotong-royong untuk _____ lembu yang baru disembelih itu.
A menyang B memotong C menanak D melapah
3. Aqilah _____ nasi di dapur untuk hidangan tengah hari kami sekeluarga.
A merebus B memasak C menanak D menjerang
4. Ikan yang baru dibeli itu _____ oleh ibu lalu digorengnya.
A disiang B dilapah C dikupas D dilapah
5. Emak _____ ubi keledek itu sehingga empuk untuk dibuat kuih keria.
A mengukus B merebus C memasak D menjerang
6. Pak Mat _____ kerbau peliharaannya di bawah sebatang pokok di tepi padang.
A melilit B membelit C membalut D menambat
7. Ramli _____ gasing kawannya sehingga terkeluar dari bulatan itu.
A memangkah B menikam C melontar D membaling
8. Ayah _____ dahan pokok rambutan itu agar berbuah lebih lebat pada tahun hadapan.
A memotong B menebang C menarah D memangkas
9. Pak Long _____ rumput di sawahnya dengan menggunakan sebilah sabit yang tajam.
A memangkas B mencantas C menajak D mengerat
10. Pada masa lapang, pekebun itu _____ kulit buah kelapa sebelum dijualnya di pasar tani.
A mengupas B membuka C menghiris D menyang



Latihan Berbentuk Peperiksaan

A. Kenal pasti kesalahan tatabahasa dalam ayat di bawah.

1. Para penonton yang setia itu terus bersorak sebaik sahaja wisel permulaan pengadil
A **B** **C**
bunyikan di stadium itu. Tiada kesalahan.
D
2. Budak itulah yang curi buku latihan saya dan meletakkannya di dalam laci ini. Tiada
A **B** **C**
kesalahan.
D

3. Saya memperdengarkan bacaan al-Quran di majlis itu dengan baiknya agar diadili oleh para hakim dalam pertandingan itu semalam. Tiada kesalahan.
A B
C D
4. Kerajaan mahu memperbanyakkan kamera di lebuhraya bagi mengatasi masalah kemalangan yang klan meruncing. Tiada kesalahan.
A B
C D
5. Syarikat itu akan menyumbangkan jutaan ringgit untuk bayar cukai pendapatan kepada kerajaan. Tiada kesalahan.
A B C
D
6. Semasa kami tiba di rumahnya, Nadiya masih tidur nyenyaknya kerana keletihan. Tiada kesalahan.
A B C
D
7. Kami meredah hutan tebal itu dengan yakin berpandukan maklumat yang dibawa kami bersama-sama. Tiada kesalahan.
A B C
D
8. Mereka sedang berbincang tentang berbagai perkara yang dihadapi golongan belia khususnya di kawasan bandar. Tiada kesalahan.
A B C
D
9. Beliau menjelaskan bahawa semua murid wajib hadir aktiviti kokurikulum yang dijalankan berdasarkan jadual pada setiap petang. Tiada kesalahan.
A B
C D
10. Raihan kehujanan semalam ketika dia berjalan kaki untuk pulang ke rumah kerana hujan turun tiba-tiba sahaja. Tiada kesalahan.
A B
C D

B. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Semua buku yang dihasilkan oleh dia mendapat sambutan yang amat menggalakkan.
A dihasilkan dia C dihasilkannya
B dia hasilkan D dihasilkan oleh dia